


Headline	Lindungi FRIM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	1,2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	Siti Fatimah Hassan	AdValue	RM 22,369
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,107



TITIAN Silara yang menjadi tarikan pengunjung runut akibat ribut.

Lindungi FRIM

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my

Kepong: Penutupan Denai Rover sejauh dua kilometer dan Titian Silara di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di sini, untuk aktiviti rekreasi dan riadah mungkin dilakukan secara kekal sebagai tindakan tegas bagi memastikan sumber hutan dalam kawasan berkenaan dapat dipulihkan dan dipulihara dengan baik.

Langkah itu yang terpaksa diambil oleh FRIM selepas 20 tahun membuka pintu kepada orang ramai berikutan sikap pengunjung yang semakin sukar dikawal apabila bertindak merosakkan sumber hutan dengan membuat laluan haram selain melakukan kegiatan vandalisme serta melakukan upacara keagamaan dengan membakar objek tertentu.

>>2

Headline	Lindungi FRIM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	1,2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	Siti Fatimah Hassan	AdValue	RM 22,369
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,107

Hasil dijaga 30 tahun rosak sekeli mata

«DARI MUKA I

Berdasarkan statistik, bilangan pengunjung FRIM menunjukkan peningkatan mendadak sejak 2012 iaitu daripada 683,946 pengunjung kepada 1.5 juta pengunjung yang dicatatkan pada tahun lalu.

Ketua Pengarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, FRIM yang diisytihar sebagai Warisan Kebangsaan sepatutnya dipulihara oleh orang ramai, namun malangnya tidak ramai yang mempunyai keperihatinan dalam memuliha alam semula jadi.

Katanya, FRIM tidak mampu lagi untuk menampung kerosakan teruk akibat sikap tidak bertanggungjawab yang ditunjukkan orang ramai kerana pihaknya memerlukan sekitar RM2 juta setiap tahun untuk melakukan penyelenggaraan.

“Kita mengambil masa



ABD LATIF

lebih 30 tahun untuk mendapatkan hasil yang boleh dinikmati sekarang, namun ia rosak dalam sekeli mata saja. Pokok yang ada sepatutnya menahan air, namun pengunjung tidak bertanggungjawab membuat laluan haram dan tidak melalui de-nai disediakan.

“Tindakan itu menyebabkan berlakunya hakis dan akibatnya terdapat banyak pokok tumbang

susulan kejadian ribut pada 11 Oktober lalu. Kita terpaksa tutup atas sebab itu dan keselamatan kepada orang ramai, namun ada juga yang masih berdegil masuk ke kawasan pokok tumbang itu. Kita amat kecewa apabila se-gelintir pengunjung berbuat suka hati sedangkan sumber hutan ini begitu bernilai sekali,” katanya ketika ditemui di FRIM, baru-baru ini.

Kejadian ribut yang berlaku itu turut menyebabkan laluan kanopi rosak akibat ditimpak pokok besar dan ia mengambil masa untuk diselenggara.

Ketua Program Ekopelancongan dan Hutan Bandar FRIM Dr Noor Azlin Yahya berkata, penutupan itu sepatutnya dilaksanakan lebih awal memandangkan kawasan itu terhakis dengan teruk dan memerlukan masa untuk pulih kembali.

Headline	Lindungi FRIM		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	1,2	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	Siti Fatimah Hassan	AdValue	RM 22,369
Frequency	Daily	PR Value	RM 67,107



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A